

31 MAC 2023 | MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KELAB INSTUN 2023 KALI KE 21

Kelab INSTUN telah menganjurkan Mesyuarat Agung Tahunan Kelab INSTUN kali ke 21 bertempat di Dewan Kuliah Utama, Akademik C. Mesyuarat telah dihadiri YBrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Penaung Kelab INSTUN bersama-sama 126 orang ahli Kelab. Agenda AGM seperti biasa telah dimeriahkan dengan sesi cabutan bertuah yang cukup menggamatkan suasana dewan.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada barisan AJK Kelab INSTUN Sesi 2021/2023 atas khidmat bakti menerajui Kelab INSTUN selama 2 tahun.

Tahniah juga diucapkan kepada barisan AJK Kelab INSTUN Sesi 2023/2025 yang diharapkan akan terus memperkasakan lagi Kelab INSTUN.

Jutaan terima kasih buat semua ahli Kelab INSTUN yang hadir dan memeriahkan AGM kali ini, sokongan dan kepercayaan anda akan menjadi pemangkin semangat buat Kelab INSTUN untuk terus maju ke hadapan!







